



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN  
SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2026**

**13 JUN 2026**

**2.00 PETANG**

**PEKARANGAN STADIUM LIKAS,  
KOTA KINABALU, SABAH**

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

## **SALUTASI**

*Salutasi terkini disediakan secara berasingan.*

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu saya mewakili Kementerian Perpaduan Negara ingin mengucapkan terima kasih kepada **YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri** atas kesudian untuk merasmikan **Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan Tahun 2026**.
2. **Sambutan Minggu Perpaduan merupakan program utama (*signature programme*)** Kementerian Perpaduan Negara yang menjadi **platform interaksi dan tapak integrasi** untuk menyemarakkan semangat perpaduan serta memperluas pengetahuan terhadap kepelbagaian adat, budaya dan tradisi rakyat Malaysia.
3. Tema sambutan pada tahun ini, "**Bersama Membina Negara Bangsa**", amat bertepatan dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) yang menekankan usaha memperkukuh perpaduan negara. **Usaha pembinaan negara bangsa adalah amat penting kerana ia menjadi asas kepada kestabilan, keharmonian dan kemajuan negara.**

4. **Perkongsian identiti ini perlu terus dipupuk melalui nilai saling memahami, menghormati, menerima dan meraikan kepelbagaian sebagai kekuatan bersama.**

### **SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN**

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

5. Sambutan pada tahun ini merupakan **penganjuran kali keempat** selepas kejayaan penganjuran pertama di Kuching, Sarawak pada tahun 2023, diikuti penganjuran kali kedua di Johor Bahru pada tahun 2024, seterusnya kali ketiga di Pulau Pinang, dan pada tahun ini kita berhimpun di Kota Kinabalu, Sabah.
6. Bagi tahun ini, penganjuran **Sambutan Minggu Perpaduan** telah ditambah baik dengan memberikan fokus secara zon bermula pada bulan April yang lalu. Sebanyak lima zon telah dilaksanakan, iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Timur dan Zon Sarawak.
7. Sepanjang Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan ini, terdapat lebih 40 aktiviti utama diadakan, antaranya **15 Pameran Rumah KAMI, Pameran Perkampungan Etnik, Foodunites, Pameran Raja Kita, Pameran Bersama Membina Negara Bangsa, Pesta Buku Sabah, Larian Uniti, sukan tradisional, pembuatan kraftangan, Jualan Usahawan Perpaduan,**

**pertandingan tarian etnik, pertandingan Ratu Perpaduan serta Konsert Malam Unity Sama-Sama.**

8. Pelaksanaan program-program perpaduan ini telah mewujudkan tapak integrasi dan *shared civic space* antara komuniti, iaitu ruang bersama yang membolehkan rakyat daripada pelbagai latar belakang bertemu, berinteraksi dan membina kefahaman antara satu sama lain dalam suasana harmoni.
9. Sering kali timbul persoalan, bagaimana perpaduan dapat dibentuk melalui program-program seperti ini dan sama ada ia benar-benar mampu menyatukan rakyat. Jawapannya jelas, **perpaduan tidak boleh dibentuk melalui satu program semata-mata. Ia memerlukan usaha yang berterusan, konsisten dan menyeluruh.** Perpaduan bukan bersifat *one-off*, sebaliknya ia adalah satu komitmen berpanjangan yang perlu dibina dan diperkukuh dari semasa ke semasa.
10. Pada tahun lalu, Kementerian Perpaduan Negara telah melaksanakan sebanyak **762 program merangkumi pengukuhan jati diri, kenegaraan, kesukarelawanan, pembangunan komuniti serta keharmonian antara agama.** Pelaksanaan ini mencerminkan pendekatan menyeluruh dalam memperkukuh perpaduan nasional.

11. Hasilnya dapat dilihat dengan jelas melalui **Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2025**, apabila perpaduan rakyat Malaysia terus menunjukkan peningkatan dengan skor **0.701**, iaitu yang tertinggi dalam tempoh **tujuh tahun**. Peningkatan ini menunjukkan trend konsisten sejak 2018, apabila indeks merekodkan 0.567, meningkat kepada 0.629 pada 2022, dan seterusnya 0.701 pada 2025, sekali gus melepasi paras sederhana tinggi serta mencapai sasaran di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12).

### **PEMBANGUNAN KOMUNITI**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

12. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited dalam memperkukuh pembangunan komuniti di peringkat akar umbi kerana **komuniti merupakan *frontliner* perpaduan negara yang paling hampir dengan rakyat.**
13. Di bawah kementerian, gerakan komuniti telah diperkasa melalui pelbagai inisiatif. Antaranya ialah **8,615 Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** yang melibatkan kira-kira **250,000 anggota**, memberi manfaat kepada lebih **12 juta rakyat Malaysia**, dengan pelaksanaan lebih **100,000 aktiviti KRT** pada tahun lalu. Kerajaan menyediakan geran tahunan sebanyak **RM6,000 bagi setiap KRT**. Namun, kadar ini telah lama tidak disemak, justeru saya

memohon agar YAB Perdana Menteri dapat mempertimbangkan penambahbaikan atau kenaikan geran KRT tahunan agar lebih banyak program komuniti dapat dilaksanakan secara lebih berkesan dan menyeluruh di lapangan.

14. Selain itu, sebanyak **5,493 Skim Rondaan Sukarela (SRS)** terus diperkasa sebagai usaha keselamatan komuniti berasaskan konsep *neighbourhood watch*, iaitu rakyat menjaga rakyat, yang telah menjadi fokus sejak penubuhan KRT pada tahun 1975.
15. Kementerian juga memperkenalkan **Skwad Uniti** di negeri-negeri yang sering dilanda banjir sebagai barisan hadapan komuniti dalam membantu mangsa bencana, termasuk menyediakan bantuan makanan, dan sokongan pasca bencana.
16. Selain itu, seramai **595 Mediator Komuniti** telah dilantik di bawah Kerajaan MADANI sebagai usaha baharu menyediakan khidmat mediasi secara pro bono tanpa melibatkan proses litigasi, dan pada tahun lalu sebanyak **156 kes konflik komuniti berjaya diselesaikan** melalui pendekatan ini. Inisiatif ini turut menjadi salah satu **penanda aras dan amalan terbaik** di peringkat ASEAN dalam pengurusan konflik komuniti secara damai

17. Sebanyak **608 Perpustakaan Desa** terus diperkasakan dengan peranan baharu sebagai pusat pembelajaran sepanjang hayat serta aktiviti ekonomi. Inisiatif “**1 Perpustakaan Desa, 1 Produk**” juga telah menunjukkan kejayaan yang memberangsangkan.
18. Sementara itu, inisiatif **Arkib@Komuniti** turut dilancarkan tahun lalu bagi memperkasa pengumpulan dan pemeliharaan bahan sejarah di peringkat komuniti. Setakat ini, lebih 300 ribu bahan telah berjaya dikumpul melalui inisiatif ini.
19. Kesemua inisiatif ini membuktikan bahawa Kementerian Perpaduan Negara sentiasa **memperkukuh peranan komuniti sebagai asas kepada perpaduan, dan kesejahteraan rakyat.**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

20. Pada hari ini, kita juga akan menyaksikan **peluncuran Strategi Pembudayaan Integriti Nasional (National Integrity Enculturation Strategy – NIES)** yang dibangunkan oleh Institut Integriti Malaysia. Strategi ini merupakan satu inisiatif penting negara bagi memperkukuh budaya integriti sebagai amalan dan nilai hidup rakyat Malaysia melalui penghayatan nilai-nilai murni seperti kejujuran, amanah, ketelusan, akauntabiliti

dan tanggungjawab dalam kehidupan seharian.

21. Peluncuran NIES sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2026 Peringkat Kebangsaan amat signifikan kerana **integriti dan perpaduan merupakan asas penting dalam pembinaan negara bangsa yang kukuh. Perpaduan yang berkekalan memerlukan kepercayaan, manakala kepercayaan hanya dapat dibina melalui amalan integriti yang berterusan dalam kalangan rakyat, institusi dan kepimpinan negara.**

## **PENUTUP**

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

22. Sebagai penutup, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan program ini, khususnya **Kerajaan Negeri Sabah selaku tuan rumah Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan** pada tahun ini.
23. Saya yakin program ini akan terus menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat, seterusnya memperkukuh usaha kita ke arah pembinaan Negara Bangsa yang bersatu padu, harmoni dan sejahtera

Sekian, terima kasih.